

Headline	'Makan' debu 1.5km		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	29	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	232 cm ²
Journalist	Amirul Aiman Hamsuddin	AdValue	RM 9,139
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,418



'Makan' debu 1.5km

■ Penduduk Kampung Tengah terpaksa hidu habuk akibat kerja naik taraf jalan tidak dilaksanakan dengan baik

Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Sabak Bernam

Kira-kira 100 penduduk Kampung Tengah, di sini, mendakwa sengsara kerana terpaksa menghidu habuk dan debu sebab hari berikutnya kerja naik taraf jalan kampung itu tidak dilaksanakan dengan baik.

Seorang penduduk, Mohamad Yusak Tumiran, 64, berkata, masalah berkenaan semakin meruncing sejak Oktober tahun lalu selepas jalan berkenaan dinaik taraf.

"Sebelum ini, keadaan jalan tidak bermasalah. Tetapi, segalanya berubah selepas diperbaiki.



KEADAAN jalan berbatu sepanjang 1.5 kilometer di Kampung Tengah.

"Setiap kali kenderaan melalui jalan ini, penduduk kampung terpaksa menghidu debu dan habuk yang berterangan," katanya.

Menurutnya, permukaan jalan berbatu sepanjang 1.5 kilometer (km) itu memang merunsingkan penduduk.

"Keadaan struktur jalan tidak rata mengundang bahaya kepada pengguna khususnya penunggang motosikal pada waktu malam," katanya.

Penduduk lain, Abdullah Hashim, 60, berkata, pihak berwajib diminta mengambil tindakan segera meski-

pun tiada kes kemalangan berlaku setakat ini.

"Saya dan penduduk lain merayu pihak bertanggungjawab mengatasi masalah ini dengan segera kerana pengguna tidak berpuas hati setiap kali melalui jalan itu," katanya.

Headline	Peniaga syak wujud unsur khianat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	335 cm ²
Journalist	ASYRAF MUHAMMAD	AdValue	RM 5,714
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,143



Peniaga syak wujud unsur khianat

Ada yang nampak lampu kedai masih menyala ketika kebakaran

ASYRAF MUHAMMAD

PUCHONG

Peniaga Uptown Puchong Permai mendakwa terdapat unsur khianat dalam kejadian kebakaran di premis berkenaan sehingga menyebabkan 200 lot kedai di sini musnah.

Pegawai Operasi Uptown Puchong Permai, Abdul Rahim Shah Golbal Shah berkata, pihaknya menolak ke-

mungkinan berlakunya berlaku litar pintas sewaktu kejadian itu berikut ada diantara peniaga yang menyedari lampu di sebuah lot kedai masih menyala ketika insiden berkenaan.

Oleh sebab itu, Abdul Rahim menggesa agar pihak polis dapat melakukan siasatan rapi berhubung kes berkenaan bagi membolehkan pihak bertanggungjawab dikenakan tindakan sewajarnya.

"Kalaupun berlaku litar pintas, mungkin lampu di lot kedai itu masih menyala dan ini membuktikan wujudnya unsur khianat.

"Sejak lapan tahun kami meniaga di sini, tak pernah

**UPTOWN
PUCHONG PERMAI
TERBAKAR**

berlaku sebarang kejadian litar pintas dan polis perlu menyiasat perkara ini dengan sebaiknya," kataanya kepada Sinar Harian, semalam.

Difahamkan seramai 200 lot kedai terjejas dan rusnah dijilat api dalam kejadian yang berlaku sekitar jam 7.45 pagi itu. Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Pengguna Bombe Kanan I Norizham Mohd Nordin juga memaklumkan bahawa punca sebenar kejadian dan jumlah kerugian masih dalam siasatan forensik bomba malah tiada unsur jenayah dapat dikaitkan buat masa ini.

Mengulas lanjut, Abdul Rahim berkata pihaknya juga



ABDUL RAHIM



RISIKIN

telah membuat laporan di Balai Polis Bukit Puchong berhubung perkara itu bagi membolehkan siasatan segera dilakukan oleh pihak berkuasa.

"Kami mengesyaki ada pihak yang cuba mendapatkan tanah kawasan ini dan melakukan tindakan dengan

membakar kedai yang beroberasi di sini," katanya.

Polis terima 114 laporan polis

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Puchong, Asisten Komisioner Risikin Saitim ketika dihubungi Sinar Harian memaklumkan

bahawa buat masa ini pihaknya masih menunggu laporan daripada forensik bomba terlebih dahulu sebelum membuka sebarang kertas siasatan berhubung kes tersebut.

Beliau berkata, buat masa ini, pihaknya telah menerima sekitar 114 laporan polis yang dibuat oleh peniaga uptown berkenaan.

"Peniaga-peniaga ini membuat laporan atas tujuan untuk tuntutan insurans namun ada juga dua atau tiga peniaga yang menyatakan terdapat unsur khianat di dalam laporan mereka.

"Namun apa pun, polis menunggu laporan forensik bomba sebelum kita dapat membuka kertas siasatan lanjut," katanya.

Headline	Peniaga terjejas dipindah ke lokasi sementara		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	268 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,571
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,714



Peniaga terjejas dipindah ke lokasi sementara



Gobind meninjau Uptown Puchong Permai yang musnah dalam kejadian kebakaran,kelmarin.

PUCHONG - Peniaga Uptown Puchong Permai yang terjejas dalam insiden kebakaran pagi kelmarin akan dipindahkan di lokasi sementara bagi membolehkan mereka meneruskan operasi perniagaan dalam masa terdekat.

Ahli Parlimen Puchong, Gobind Singh Deo berkata, buat masa ini, pihaknya meminta semua peniaga yang terjejas supaya dapat menyeraikan jumlah kerugian yang dialami bagi membolehkan bantuan kilat disalurkan kepada mangsa terlibat.

Beliau berkata, pihaknya juga akan mencuba sedaya upaya mena-

lurkan bantuan tersebut dengan kadar segera bagi membantu meringankan beban mangsa terlibat.

“Saya minta buat sementara ini semua peniaga dapat bersabar dan dapat senaraikan jumlah kerugian mereka bagi membolehkan bantuan kilat disalurkan selepas ini,” katanya,kelmarin.

Dalam pada itu, mengulas menganai permintaan peniaga yang ingin kekal beroperasi di tapak berkenaan selepas ini, Gobind berkata pihaknya akan membawa perkara itu kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) untuk perbincangan lanjut mengenai perkara itu.

“Namun, kita juga perlu menunggu laporan forensik bomba terlebih dahulu supaya punca sebenar kejadian dapat diketahui.

“Benda yang paling penting di sini adalah berkaitan keselamatan jadi kita kena lihat aspek itu dengan teliti supaya permasalahan ini tidak berulang pada masa hadapan,” katanya.

Tambah Gobind, pihaknya juga akan mengadakan mesyuarat bersama semua pihak terlibat bagi melihat langkah terbaik yang dapat diambil dalam kes berkenaan.

Headline	MPK terima pelaburan RM1.86 bilion		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	228 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,889
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,667



MPK terima pelaburan RM1.86 bilion



Mohamad Yasid (dua, kanan) menerima anugerah The Most Preferred Investment Location By Local Authority in Selangor daripada Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari.

KLANG – Majlis Perbandaran Klang menerima anugerah The Most Preferred Investment Location By Local Authority in Selangor sempena Majlis Anugerah Penghargaan Pelabur Selangor, baru-baru ini.

Justeru pihak berkuasa tempatan itu mahu terus mengekalkan anugerah berkenaan.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, Klang adalah daerah paling tinggi di negeri ini menerima pelaburan iaitu berjumlah RM1.86 bilion daripada dua pelabur utama iaitu IKEA dan Ramly Burger.

Menurut beliau, MPK

akan memberikan perkhidmatan terbaik demi keselesaan pelabur tempatan dan luar negara ke daerah itu.

“Kita akan membantu menyediakan infrastruktur yang diperlukan membabitkan tanggungjawab kita, selain lokasi yang dekat dengan Pelabuhan Klang.

“Jalan dan infrastruktur di kawasan Klang akan segera dibaiki jika kita menerima aduan menggunakan peruntukan yang ada, di samping mengadakan Hari Bertemu Pelanggan bersama pelabur.

Mohamad Yasid berkata, melalui pertemuan itu, MPK akan mendengar masalah dikemukakan serta memberikan penyelesaian

segera kepada pengadu.

Dalam perkembangan lain, Mohamad Yasid memaklumkan, permohonan tapak Bazar Jalan Taiping dan Bazar Juadah Ramadan akan dibuka kepada peniaga sehingga 28 Februari.

Katanya, sebanyak 475 tapak perniagaan di Jalan Taiping disediakan menerusi tender terbuka seperti tahun sebelumnya.

“Borang permohonan tapak Bazar Jalan Taiping dan Juadah Ramadan boleh didapati di Kaunter Helpdesk MPK.

“Untuk Bazar Juadah Ramadan, sebanyak 43 lokasi membabitkan 1,949 tapak disediakan kepada peniaga,” katanya.

Headline	KLIK SUMBANGAN		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	104 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,774
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,322





KLIK

SUMBANGAN
Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari menyeraikan sumbangan kepada wakil Surau Darul Muhibbah sempena Program Solat Jumaat, Penyerahan Sumbangan dan Kenduri Rakyat Menteri Besar Bersama Masyarakat Klang di Masjid Nurul Amin Kampung Delik, baru-baru ini.

Headline	Pemilik ternakan masih degil		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	330 cm ²
Journalist	AZIE YAHAYA	AdValue	RM 5,629
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,887



Pemilik ternakan masih degil

Haiwan
berkeliaran di
jalan raya,
mengancam
nyawa pengguna

AZIE YAHAYA

PELABUHAN KLANG

Sikap tidak bertanggungjawab pemilik lembu yang membiarkan ternakan mereka berkeliaran di jalan raya boleh mengundang risiko kemalangan.

Tinjauan Sinar Harian di sekitar Jalan Pelabuhan Klang Utara, dekat sini mendapati haiwan ternakan itu

mengakibatkan pergerakan kenderaan perlahan kerana ada pemandu terpaksa memberhentikan kenderaan mereka bagi mengelak berlaku kemalangan.

Berikut itu, orang ramai meminta Majlis Perbandaran Klang (MPK) bertindak segera mengatas masalah berkenaan.

Pengguna jalan raya, Hafizi Othman, 35, berkata, sikap lepas tangan pemilik haiwan tersebut boleh mengundang risiko kemalangan.

"Jalan ini sentiasa sibuk kerana menjadi laluan utama ke Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat. Bahaya jika lembu dibiarakan berkeliaran," katanya.

Hafizi berkata, penunggang motosikal antara yang



Lembu berkeliaran membawa padah kepada pemandu dan haiwan terbabit.

berpotensi kemalangan.

"Sepatutnya haiwan ternakan itu ditempatkan di kawasan padang rumput yang berpagar supaya tidak terlepas dan berkeliaran sehingga

ke jalan raya," katanya ketika ditemui.

Menurutnya, pemandu tidak mempunyai pilihan selain memperlambangkan kenderaan jika bertembung

dengan haiwan tersebut kerana tindakan membunyi kan horn mungkin menyebabkan haiwan itu terkejut dan merempuh kenderaan.

Sementara itu, Ismail

info

Jalan berkenaan adalah laluan utama ke Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat

Din, 56, mendakwa, pemilik ternakan berkenaan tidak mengambil peduli arahan dikeluarkan pihak berkusa tempatan (PBT).

"Walaupun pihak berkusa ada buat tangkapan, tapi mereka masih degil dan tidak mempertingkat keselamatan orang ramai dengan melepaskan haiwan itu ke kawasan laluan kenderaan.

"Mungkin kalau kemalangan itu berlaku kepada keluarga mereka sendiri baru mereka insaf," katanya.

Headline	Anjing liar ancam penduduk		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	46,47	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	876 cm ²
Journalist	HAKIMI ISMAIL	AdValue	RM 17,472
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,416



MPSepang digesa atasi segera isu

Anjing liar ancam penduduk

Oleh HAKIMI ISMAIL

pengarang@utusan.com.my

■ SEPANG 3 FEB.

PENDUDUK Taman Desa Pinggiran Putra di sini menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT) menangani masalah ancaman anjing liar di kawasan kediaman mereka dengan lebih berkesan kerana jumlah haiwan itu semakin membimbangkan sejak akhir-akhir ini.

Walaupun sehingga kini belum ada kes serangan anjing liar dilaporkan di kawasan berkenaan, kebimbangan berhubung keselamatan orang ramai memerlukan perhatian dan tindakan serius PBT kerana kumpulan haiwan tersebut sering dilihat berkeliaran di kawasan awam.

Dalam isu ini, PBT yang bertanggungjawab iaitu Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) perlu mengambil tindakan yang lebih berkesan bagi mengelak perkara tidak diingini berlaku dan difahamkan MPSepang sememangnya sentiasa melaku-



KAWASAN medan selera D' Pinggiran antara tempat anjing liar berteduh di Desa Penggiran Putra. - UTUSAN/RASHID MAHFUD

kan operasi namun dilihat tidak berkesan.

Walaupun ada pihak yang menyatakan isu anjing liar adalah isu kecil tetapi bagi penduduk di sibi ia tetap satu isu besar kerana perkara itu amat berkait rapat dengan keselamatan dan kepentingan mereka terutamanya keselamatan pelajar-pelajar sekolah dan anak-anak kecil.

Tinjauan *Utusan Malaysia*

mendapat kebimbangan penduduk ada asasnya apabila beberapa lokasi seperti taman permainan, kawasan sekolah dan surau sememangnya ada anjing liar yang berkeliaran secara berkumpulan dan menimbulkan ancaman kepada mereka.

Pengerusi Persatuan Penduduk Persiaran Lima Desa Pinggiran Putra, Radin Mohd. Azmi Radin Abdul Rahman berkata, lebih membimbangkan anjing

KEHADIRAN anjing liar di sekitar Desa Penggiran Putra membingkangi penduduk.



Headline	Anjing liar ancam penduduk		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	46,47	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	876 cm ²
Journalist	HAKIMI ISMAIL	AdValue	RM 17,472
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,416

**RADIN MOHD.
AZMI RADIN ABDUL
RAHMAN (tengah)
bersama penduduk
membinangkan
masalah anjing liar
yang berkeliaran
di kawasan
perumahan mereka.**



PENDUDUK Desa Penggiran Putra berharap MPSepang menyelesaikan isu anjing liar untuk keselamatan dan keselesaan mereka.

liar di kawasan berkenaan turut memasuki kawasan kediaman dan mengigit kasut yang ditinggalan di luar rumah.

"Anjing liar di kawasan ini berkeliaran tidak kira waktu namun, jumlahnya lebih banyak pada waktu malam. Saya berharap perkara ini dapat diatasi dengan lebih serius oleh pihak bertangungjawab bagi memastikan keselamatan penduduk setiasa terjamin.

"Memang di sini tiada lagi peraturan yang melarang anjing liar namun, adalah lebih baik perkara ini diambil tindakan sewajarnya bagi mengelak menjadinya parah," katanya ketika ditemui Utusan Malaysia di sini baru-baru ini.

Radin Mohd. Azmi merangkap Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP), Zon Pinggiran Putra berkata, kehadiran anjing liar juga menyebabkan kekotoran di kawasan perumahan apabila haiwan itu kerap mencari makanan di tong-tong sampah.

"Berdasarkan aduan masyarakat setempat, kami mendapat maklumat bahawa anjing liar begitu ketara akhir-akhir ini. Saya berharap pihak bertangungjawab menangkap semua anjing liar yang ada dan anjing berlesen yang gagal mematuhi peraturan yang telah ditetapkan," katanya.

REAKSI

"OPERASI besar-besaran mencari tempat anjing liar ini berkumpul di kawasan hutan berdekatan perlu dilakukan kerana haiwan ini mengganggu pelajar sekolah dan penduduk yang ingin ke surau pada waktu subuh."

MUHAMAD RADZI ABU BAKAR
Penduduk Desa Penggiran Putra.

"TINDAKAN yang sewajarnya perlu diambil untuk menyelesaikan masalah anjing liar ini kerana ia menimbulkan pelbagai masalah kepada penduduk setempat."

MOHD. HUSNI MOHD. NOOR
Penduduk Desa Penggiran Putra.

"TIADA kes melibatkan penduduk digigit anjing liar di perumahan ini tetapi lebih baik perkara ini diambil tindakan lebih awal daripada menjadi parah."

RADIN MOHD. AZMI RADIN ABDUL RAHMAN
Pengerusi Persatuan Penduduk Persiaran Lima Desa Pinggiran Putra.

"KALAU bukan MPSepang kepada pihak mana lagi kami hendak mengadu. Kita juga risau haiwan ini akan terus membiak dan mengancam penduduk."

MD. RAFEE KAMARUDDIN
Penduduk Desa Penggiran Putra.



Headline	MPSepang perhebat operasi buru anjing liar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	47	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	136 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,688
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,064



MPSepang perhebat operasi buru anjing liar

SEPANG 3 Feb.— Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) sedia maklum mengenai masalah ancaman anjing liar di kawasan Desa Pinggiran Putra dan operasi untuk menanggulanginya akan diperhebatkan.

Pengarah Unit Korporat dan Perhubungan Awam MPSepang, Norrehan Amat Kasman berkata, ketika ini, MPSepang melalui Jabatan Kesihatan dan Persekitaran sentiasa melakukan operasi di kawasan berkenaan.

Beliau berkata, untuk rekod

sepanjang tahun lalu, sebanyak 18 ekor anjing liar telah ditangkap selain tiga ekor untuk Januari tahun ini dengan menggunakan kaedah tangguh dan juga pemasangan perangkap.

“Sekarang operasi dilakukan sebanyak dua kali seminggu atau lapan kali sebulan. MPSepang sedia maklum mengenai masalah anjing liar di kawasan Desa Pinggiran Putra dan operasi sentiasa dijalankan.

“MPSepang akan menjalankan operasi secara konsisten selepas ini bagi mengatasi

masalah anjing liar yang berkeliaran di kawasan penduduk termasuk memasang perangkap,” katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Norrehan berkata, anjing liar yang ditangkap ditempatkan di Pusat Tahanan Haiwan Sementara Batu 1 di sini dan makanan, minum serta kebajikan haiwan yang ditangkap adalah terjaga.

“MPSepang juga membuka dan menawarkan kepada orang ramai untuk mengambil haiwan berkenaan untuk dibela. Berdasarkan maklumat, sehingga kini tiada kes penduduk digigit anjing liar di Desa Pinggiran Putra,” katanya.

**MAKLUM
BALAS**

Headline	Bukti Selangor komited maju pendidikan		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	04 Feb 2019	Circulation	69,985
Section	Nasional	Readership	209,955
Page No	18	ArticleSize	349 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 12,030
Journalist	Rafidah Mat Ruzki dan Luqman Arif Abdul	PR Value	RM 36,091
Frequency	Daily		



ANUGERAH BANDAR PEMBELAJARAN UNESCO

Bukti Selangor komited maju pendidikan

➔ Kerajaan negeri bangga Petaling Jaya terima penghargaan UNESCO

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

■ Shah Alam

Pengumuman bandar raya Petaling Jaya sebagai antara 10 bandar yang menerima Anugerah Bandar Pembelajaran Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bagi 2019 bukti

komitmen kerajaan Selangor dalam bidang itu.

Menyertai Amirudin Shari, berkata komitmen itu termasuk juga dalam bidang teknikal dan vokasional.

"Kerajaan Selangor mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terbabit khususnya kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Pejabat Daerah dan Tanah Petaling atas kejayaan ini."

"Penghormatan ini adalah bukti komitmen kerajaan negeri terhadap bidang pendidikan termasuk dalam mencorak masa depan anak-anak Selangor," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau mahu anugerah itu menjadi permangkin kepada kejayaan yang lebih cemerlang," katanya.

BH semalam melaporkan Petaling Jaya dinobat antara 10 bandar di dunia yang menerima Anugerah Bandar Pembelajaran UNESCO



Amirudin Shari

2019 susulan pencapaian dan kemajuan yang ditempa dalam sektor itu.

Selain Petaling Jaya, sembilan bandar lain yang diberi anugerah sama ialah Aswan (Mesir), Chengdu (China), Heraklion (Greece), Ibadan (Nigeria), Medellin (Colombia), Melitopol (Ukraine), Santiago (Mexico), Seodaemun (Korea Selatan) dan Sønderborg (Denmark).

Pemenang anugerah berkenaan

dipilih mengikut kriteria tertentu, bersandarkan penilaian barisan juri daripada Institut Pembelajaran Sepanjang Hayat UNESCO (UIL) iaitu inisiatif inovasi dan dasar khusus, selain pelbagai program yang menyediakan rangkaian peluang demi manfaat komuniti setempat.

Promosi pendidikan

Pertubuhan antarabangsa itu menjelaskan 10 bandar berkenaan mencerminkan pencapaian dan komitmen untuk mempromosikan pendidikan serta pembelajaran sepanjang hayat di peringkat tempatan.

"Walaupun masing-masing bermula daripada pelbagai konteks ekonomi, politik, sosial dan alam sekitar, semua pemenang Anugerah Bandar Pembelajaran UNESCO 2019 mempunyai kriteria tertentu," katanya dalam kenyataan dipaparkan menerusi laman web rasminya, Khamis lalu.

Info

Bandar Pembelajaran UNESCO

- 10 bandar diberi anugerah
- Petaling Jaya (Malaysia)
- Aswan (Mesir)
- Chengdu (China)
- Heraklion (Greece)
- Ibadan (Nigeria)
- Medellin (Columbia)
- Melitopol (Ukraine)
- Santiago (Mexico)
- Seodaemun (Korea Selatan)
- Sønderborg (Denmark)



•新春來這兒打卡！•

◀文接C1

適耕莊大街掛上逾2000燈籠

配合新春，雪隆地区各组织、商场，都精心设计及举办多姿多采的系列新春活动，保证让你在佳节期间，一点也不愁寂寞。

当中，庙会是最少不了年味的好去处，传统的大红灯笼高挂，配合花灯展、各式各样的展览，还有美食、文化活动等等，都吸引大批民众前往观光。

而佛光山东禅寺平安灯会暨花艺展及雪隆海南会馆（天后宫）已于1月31日举行推介礼，整个庆典活动一直维持到过完春节，每日都有不少民众前往浏览、拍照打卡。

在适耕庄，大街上也会挂上超过2000个红灯笼，在配合地方组织举办的新春活动，也是别有一番景象。

此外，一些商场也有举办新春节目，包括绘画、工作坊、亲子游戏等等，精心设计的新春装置，也是新春佳节期间的好去处。

在这浓厚的佳节气氛里，大家就不要每天就窝在棉被里睡到日上三竿，快来看看雪隆地区有什么好玩好逛的！

加影市區迎春廟會
錫米山16日大團拜



■锡米山新村篮球赛多了一棵许愿树。（锡米山村委会提供）

報導 ◆林雁芳

（加影3日讯）许多人感叹过年越过越没气氛，其实只要转个念，换件新衣迈开脚步出去走走，过年气氛无所不在，这个胖嘟嘟猪年，加影人要到哪里感受新年氛围？《中国报》为您列出春节活动看点。

由万宜国会议员、无拉港州议员、市议员及锡米山村委会联办的新春大团拜活动将于2月16日晚上7时，在锡米山大记茶餐室前面的泊车场举行，当晚将有精彩现场乐团表演、舞狮

表演、学生表演以及捐发作慈善活动等。

锡米山新村村长谢伟贤向《中国报》说，为了增添社区新年气氛，村委会也在这场大型团拜现场及周遭道路挂上红灯笼。

在团拜举办之前，民众也可以到锡米山新村篮球场感受新年氛围。

村委会为篮球场周围进行了新年布置，包括挂上红绿灯、为老树挂上红布布置为许愿树，以及装饰了数棵桃花树。

谢伟贤说，村委会布置的许愿树可让民众抛红布许愿，但

民众必须自备红布。

“除了锡米山，蕉赖十一哩新村也会在当天在新村篮球场同步举办大团拜。”

此外，在皇冠城第9区商业中心，市议会挂上红绿灯，为商业中心增添年味。

至于在加影市区，乌冷华团联合会今年也会举办一场“2019年己亥迎春庙会”。

有关庙会将于2月17日早上9时至下午2时，在曼达岭街（Jalan Mendaling）老街广场举办，届时有30多个美食与文化摊位，欢迎民众一起来感受庙会热闹气氛。



■配合大团拜，锡米山大记茶室外面挂上红灯笼。
(锡米山村委会提供)



■村委会用桃花装饰新村。
(锡米山村委会提供)

04 Feb 2019

China Press, Malaysia



Author: No author available • Section: Central • Page: C4 • Printed Size: 315.00cm²

Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 6,213.55

Item ID: MY0035031794

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAU BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setakohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2



安邦陽光花園孟蘭勝會 新春餐會招待260長者

■孝亲敬老红包布施餐會舉辦新春
起為陳星華、張智強、方德強及
忠龍醫師
安邦阳光花園孟蘭勝會舉行新
春

(安邦3日讯)安邦阳光花園孟蘭勝會日前该花園18茶
餐室举行年度新春孝亲敬老
红包布施餐會，免费招待安
邦地区约260名60岁及以上长
者。与会长者除了享用一餐丰
富午餐，还获得一个红包及
一包年柑，皆大欢喜。
上述长者与一些残障人士
之前已进行登记，他们在享
用午餐后，耐心等待，根据
号码有序地排队领取红包
及年柑。
该胜会多年来均主办新春
孝亲敬老红包布施餐會，让

安邦地区长者享用。
配合上述施赠活动，乃忠
龙医药治疗所东主乃忠龙医
师与丘伟豪医师在1月31日至
2月1日三天期间，每天早上
11时至下午1时提供义务推
拿服务，为有需要的长者服
务，反应热烈。
出席布施餐會者包括安邦
阳光花園孟蘭勝會主席陈星
华及一众理事，该胜会顾问
拿督张智强、方德强、安邦
再也市议员何金福及安邦新
村村长何鸿初等。



04 Feb 2019

Nanyang Siang Pau, Malaysia

Author: No author available • Section: KL/Selangor • Page: B10
 Printed Size: 1001.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color
 ASR: MYR 12,591.00 • Item ID: MY0035030723

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
 SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDU AZIZ SHAH,
 40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
 No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektahs@selangor.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2



独家报道/摄影

林海霞

(加影3日讯)一座形同“庞然巨物”的精明巴士候车亭，把加影杜更街的“口袋公园”(Pocket Park)和壁画给遮盖了，游客“打卡”拍照的兴致大减。

据了解，精明巴士候车亭的设计欠美观，粗糙的架构完全无法衬托周边老社区的建筑物。

据《南洋商报》记者理解，精明巴士候车亭已完成了2个月，设计及其巨大的身形带来的影响，引起坊间热议。

文化工作者指精明巴士候车亭很丑怪，砖块厚厚，把“口袋公园”的树木和壁画都遮盖了，民众或游客路过，也难发现候车亭后面有一幅壁画。

他们说，园艺美化应

简单、实际，而且符合社区的面貌，杜更街是加影的老社区，以老建筑物为主。言下之意，候车亭已影响了该区古早味。

他们指出，候车亭旁是“口袋公园”，搭客在该处等候巴士，有椅子，不过却没遮雨棚，精明巴士候车亭虽可遮风挡雨，但却过于巨大。

另外，他们也说，竖立在加影河滨花园冷岳河岸的“I LOVE KAJANG”地标，因地点不适当，相信无法吸引民众前往“打卡”。



精明巴士候车亭建起后，“口袋公园”和壁画被“藏”在后面。

居民：公园失修

居民罗丽娟说，“口袋公园”吸引不少游客和文化爱好者前来“打卡”拍照，建议在该处竖立“I LOVE KAJANG”的地标。

“巨大的候车亭建起来后，口袋公园被遮盖了，路过的车辆也看不到墙壁的壁画。

“精明巴士候车亭的设计真得很丑，建工粗糙。”

此外，她说“口袋公园”靠近免打粪后巷的栏杆也烂了，沟渠下陷，希望能修补，栏杆的设立是阻止民众把车泊在公园范围。



罗丽娟指“口袋公园”的栏杆已脱落和损坏。

建候车亭遮挡风景

加影口袋公园壁画失色



“口袋公园”被巨大的精明巴士候车亭遮盖了。

建候车亭没咨询民意

乌鲁冷岳社区文物馆主任李成金说，那是雪州政府拨款兴建的精明巴士候车亭，工程进行前没咨询本地人民、文化工作者和专业人士的意见。

虽然候车亭做到透視、通风，也可遮风挡风，但美感不足，在小小的地方不适合建大的候车亭。

“口袋公园”只有60尺乘50尺，早前进行美化和栽种树木后，也设有椅子，方

便搭客。

“美化后，我们也在老店的墙壁上画，让它看来更亮丽和充满活力，不少文化爱好者也到来打卡。”

此外，他说，在加影河滨花园冷岳河岸也进行美化工程，但美化工作同样令人失望。

河岸旁铺在地面的石头被涂到五颜六色，好像一块烂布，完全不符合大自然的主题。

“加影市议会对于美化工作的认知不



李成金

足，他们应咨询专业人士的意见，而非胡来一番。

“早前，我们已把加影7个历史走道的建议书呈给市议会，要求在相关地点设立告示牌，但市议会也没咨询我们的意见。”



竖立在加影河滨花园冷岳河岸的“I LOVE KAJANG”地标，因地点不适当，相信无法吸引民众“打卡”。

Headline	Selangor buntu di Shah Alam		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	04 Feb 2019	Circulation	69,985
Section	Sukan	Readership	209,955
Page No	53	ArticleSize	424 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 14,616
Journalist	N/A	PR Value	RM 43,847
Frequency	Daily		



[FOTO NURUL SHAFINA JEMENON /BH]



Penjaga Gol FELDA United FC, Norazlan Razali mengeluarkan bola dari kawasan bahaya pada perlawanan Liga Super menentang Selangor di Stadium Shah Alam, malam tadi.

Selangor buntu di Shah Alam

➔ **FELDA United bangkit untuk kongsi satu mata**

Oleh Zulfaizan Mansor
zulfaizan@mediaprima.com.my

► Shah Alam

Mpian Selangor untuk membuka saingan Liga Super musim ini dengan langkah kanan tidak kesampaian selepas terikat 1-1 dengan FELDA United di Stadium Shah Alam, malam tadi.

Bekas penjaga gawang Selangor, Norazlan Razali boleh dianggap sebagai wira FELDA United selepas menyelamatkan de retan percubaan berbahaya Red Giants dalam 20 minit terakhir perlawanan.

Selangor dilihat bergelut untuk mencipta jaringan awal selepas beberapa gerakan yang cuba dilakukan berjaya disekat pertahanan FELDA United yang diketuai Thiago Aquino.

Tidak banyak percubaan berbahaya berjaya dilakukan anak buah B Sathianathan, hanya rembatan deras daripada penjaring terbanyak Liga Super musim lalu Rufino Segovia hampir menewaskan Norazlan pada minit ke-22.

Juara Piala Malaysia 33 kali itu terpaksa menunggu hingga minit ke-41 untuk berada di depan hasil rembatan jarak jauh pemain import baharu, Antonio German.

Khairul bolos

Red Giants mendapat peluang terbaik untuk menggandakan jaringan pada minit ke-64, namun percubaan Segovia di dalam kotak penalti sedikit tersasar di penjuru kanan pintu gol FELDA United.

Ketika tuan rumah sibuk melakukn asakan ke kubu lawan, kapten FELDA United Hadin Azman mengejutkan lebih 10,000 penonton di stadium apabila meledak gol penyamanan pada minit ke-69 selepas

rembatannya dari sudut tepi pintu gol berjaya menewaskan penjaga gawang, Khairul Azhan Khalid.

Jaringan itu memaksa bari san Selangor bekerja keras untuk kembali mencari gol kedua, namun beberapa percubaan berbahaya terutama daripada Nurridzuan Abu Hassan dan Faiz Nasir pada pada minit ke-71 dan 79 berjaya diselamatkan Norazlan.

Ketika perlawanan berbaki enam minit, Norazlan sekali lagi bertindak cemerlang apabila menyelamatkan sepakan leng cong menarik Nurridzuan sekali gus memastikan The Fighters mencuri satu mata dari gelanggang keramat Red Giants.